

08 JAN 2003

INVENTQJAYA-MAKMAL/I

REVEO INC BINA MAKMAL BERTARAF DUNIA DI CYBERJAYA

CYBERJAYA, 8 Jan (Bernama) -- Reveo Incorporated, syarikat teknologi yang berpangkalan di AS, dengan dibantu oleh kerajaan Malaysia akan membina sebuah makmal bertaraf dunia, InventQjaya, untuk tujuan mereka cipta, memaju dan memperdagangkan teknologi baru dan inovatif di Malaysia bagi pasaran global.

Ketua pegawai eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Datuk Dr Mohamed Arif Nun berkata usaha itu mendapat pujian daripada Dr Mahathir sendiri dan MDC akan membantu Reveo dengan menyediakan kemudahan yang perlu.

Beliau berkata usaha itu disasarkan untuk menarik saintis-saintis Malaysia di luar negara bagi menyumbangkan ide inovatif mereka dalam lapangan tempatan.

"Kami akan memiliki makmal itu dan memajukannya kepada InventQjaya. Kami masih lagi sedang memuktamadkan kos," katanya tetapi enggan mendedahkan kos sebenar pelaburan itu yang dipercayai melebihi RM70 juta.

Makmal itu dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun ini.

"Antara lain, matlamat InventQjaya adalah untuk memudahkan aspirasi Malaysia menjadi bukan sahaja pengguna teknologi tetapi juga pencipta teknologi," katanya kepada pemberita di satu taklimat media hari ini.

Turut hadir adalah ketua pegawai eksekutif Setia Haruman Sdn Bhd, Datuk Abdul Karim Abu Bakar dan ketua pegawai eksekutif kumpulan syarikat Quill, Datuk Michael Ong.

Ketua pegawai eksekutif Reveo, Dr Sadeg M. Faris berkata makmal itu akan menggunakan lapan teknologi terpaten Reveo.

"Tujuan utamanya adalah untuk menggalakkan saintis dan jurutera Malaysia mereka dan mencipta serta menarik minat mereka (saintis) yang bekerja di luar negara untuk pulang semula," katanya.

"Kami juga mahu menampilkan Malaysia, terutamanya Cyberjaya sebagai "Mekah" dalam bidang sains dan teknologi agar kelak saintis Barat sendiri akan datang kerana reputasinya. Dan yang paling penting, kami mahu mewujudkan industri bagi membina kekukuhan ekonomi Malaysia," katanya.

Dr Faris berkata makmal itu akan menggunakan model perniagaan, pengurusan dan pakar teknikal Reveo dari AS di mana produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) dimaju dan diinkubasi dengan pantas sebelum ia beralih kepada syarikat teknologi khusus.

Program itu akan menyediakan beberapa teknologi termasuk e-Victory untuk memajukan kereta elektrik, mag-air bagi sel bahan bakar berasaskan magnesium, RPC mudah alih bagi bateri, chelix/LuxVu bagi tabir maya, PurOgen (penghasilan oksigen asli) dan pengawaasinan air.

Bagi memulakan inisiatif itu, Reveo akan melancarkan komponen Program Fast Track pada 17 Jan, 2003, yang akan disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ia merupakan komponen pertama InventQjaya, sebelum makmal sebenar dilancarkan secara rasmi pada September atau Oktober tahun ini," katanya.

Katanya lagi, InventQjaya akan menempatkan 10 hingga 15 saintis asing dan 10 hingga 15 lagi saintis dan jurutera tempatan sehingga 17 Januari tetapi jumlah itu akan meningkat dari masa ke semasa.

"Menjelang Mei kami berharap dapat menempatkan 60 saintis dan jurutera iaitu gabungan saintis dari Malaysia, AS, Eropah dan negara lain," katanya.

Reveo yang berpangkalan di New York mempunyai 200 saintis dan memiliki pengalaman selama 12 tahun dalam pelbagai disiplin R&D. -- BERNAMA

WNZ KTC ZK